

Berita Sawit

MPOB Menjana Perubahan Industri sawit

TERBIT PADA SABTU
MINGGU PERTAMA
SETIAP BULAN

7 MEI 2011



e-mail:beritasawit@mpob.gov.my

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

PELABUHAN KLANG: Lori tangki mengangkut dan mengalih minyak sawit perlu mempunyai lesen dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) bagi aktiviti itu berkuatkuasa 3 Mac lalu.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi membuat ketetapan itu melalui pindaan Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 bertujuan memastikan keselamatan keluaran sawit sewaktu pengalihan bebas daripada sebarang bentuk pencemaran yang akan menjejaskan keselamatan dan kualiti produk makanan sawit.

Menterinya, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian sewaktu berucap merasmikan Pelancaran Keselamatan Pengangkutan Minyak Sawit anjuran MPOB, di sini, baru baru ini.

Katanya, pelesenan dan penguatkuasaan adalah antara langkah MPOB bagi meningkatkan aktiviti kawal selia untuk memastikan industri sawit negara berkembang secara sihat dan teratur.

"Aktiviti dalam industri sawit yang dilesenkan meliputi aktiviti penghasilan, pembelian, pengalihan, penyimpanan, penjualan, pengilangan, pengujian, pemeriksaan, pengeksportan dan pengimportan keluaran sawit," katanya.

Sebanyak 25 kategori aktiviti dalam industri sawit perlu mendapat lesen mengikut Peraturan-peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005, termasuk kategori baru bagi pengangkutan dan pengalihan minyak sawit oleh lori tangki.

Dompok berkata, MPOB akan meningkatkan usaha bagi memastikan keselamatan dan kualiti keluaran sawit terjamin melalui tindakan mengesan, mencegah dan



TAN SRI BERNARD DOMPOK (lima dari kiri) bergambar bersama wakil lima syarikat pengangkutan minyak sawit yang menerima lesen mengangkut dan mengalih minyak sawit sempena Majlis Pelancaran Keselamatan Pengangkutan Minyak Sawit. Turut kelihatan dari kiri Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May, Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, wakil Syarikat Pengangkutan YLL, Sarawak, wakil Syarikat Pengangkutan LSH, Sabah, wakil Syarikat FELDA Transport Services Sdn Bhd, wakil Syarikat Pengangkutan Jasa Sdn Bhd, wakil Syarikat Sidhu Brothers Transport Sdn Bhd dan Timbalan KSU 1, KPPK, M.Nagarajan.

Lori angkut minyak sawit perlu lesen MPOB

Pastikan minyak sawit diangkut selamat, bebas pencemaran

akan bertindak membanteras aktiviti salah laku yang menyebabkan pencemaran kualiti.

"Kegiatan sedut curi minyak sawit sewaktu pengalihan melalui lori tangki adalah salah laku utama yang menyebabkan berlakunya pencemaran kualiti."

"Melalui pindaan peraturan pelesenan MPOB itu, lori tangki yang

mengangkut dan mengalih minyak sawit bukan saja memerlukan lesen malah perlu menggunakan peralatan 'Global Positioning System' (GPS) bagi tujuan pemantauan pergerakan lori tersebut.

"Langkah ini bertujuan memastikan lori pengangkut dapat dipantau perjalanannya dan minyak sawit yang dialih selamat sampai ke

destinasi tanpa berlaku sebarang kegiatan sedut curi yang menyebabkan pencemaran kepada minyak sawit berkenaan," katanya.

Ketika ini, sejumlah 2,529 lori tangki daripada 209 syarikat pengangkutan di seluruh negara aktif menjalankan kegiatan mengangkut dan mengalih keluaran sawit.

Tahun lalu, sebanyak 39 kes ke-

“Penguatkuasaan antara langkah MPOB bagi meningkatkan aktiviti kawal selia untuk memastikan industri sawit berkembang secara sihat dan teratur”

Tan Sri Bernard Dompok
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

curian minyak sawit melalui kegiatan sedut curi daripada lori tangki sewaktu pengalihan dilaporkan membabitkan jumlah rampasan 252.7 tan bernilai RM674,000.

Turut hadir pada majlis itu, Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Announcement

MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR 2011 (TOT 2011)



THURSDAY, 23 JUNE 2011
MPOB HEAD OFFICE BANGI, SELANGOR

What is Transfer of Technology (ToT)?
It is the transfer of new technologies from the bench to the market place. It is an annuaevent and has resulted in many success stories. It contributes towards energizing the industry with new innovations and creates revenue generating opportunities in the palm oil industry. MPOB is the pioneer in this business concept locally.

This effective platform allows participants to:

- Find out about MPOB's latest research outputs for commercialization
- Explore new business opportunities based on R&D finding
- Network with top palm oil industry figures for future collaborative ventures
- Interact with MPOB inventors and scientists
- Adopt new MPOB products, services and technologies for use in their businesses
- Take up new challenge to be a successful entrepreneur
- Be part of Malaysia's lucrative palm oil industry

Who should participate?

- Venture capitalists
- Corporate entrepreneurs
- Small and medium scale entrepreneurs (SMEs)
- Planters/agriculturists
- Engineering professionals
- R&D personnel/scientists
- Food technologies/chemists
- Millers/traders/processors
- Manufacturers
- Anyone associated with the palm oil/oil palm industry

Event Highlights

- A comprehensive exhibition of MPOB products, services and technologies
- Interactive sessions with inventors
- Presentations by top MPOB researchers
- Complete seminar package inclusive of materials, lunch and refreshment (All these for only RM 50.00)

Registration

Don't miss this great opportunity! Confirm your attendance by mailing the completed Registration Form together with full payment to:
Director-General
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
(Attn: Head of Unit, HRD & Conference Management Unit)
Closing date: 13 June 2011

Enquiries

Registration Enquiries: HRD & Conference Management Unit, MPOB
Rubaah Masri Tel: 03-8769 4567 E-mail: rubaah@mpob.gov.my
Salmah Husin Tel: 03-8769 4873 E-mail: salmah@mpob.gov.my
Fax: 03-8925 7549 / 8922 1743

Technical Enquiries:

Corporate Implementation & Consultancy Unit, MPOB
Sakinah Che Embi Tel: 03-8769 4574 / 8925 9172. Suraya Muhamad Tel: 03-8769 4579
Jalaludin Omar Tel: 03-8769 4882
E-mail: cicu@mpob.gov.my Fax: 03-89261377

Note: This seminar is open to Malaysian companies and citizens only

REGISTRATION FORM

MPOB Transfer of Technology Seminar 2011 (23 June 2011)
Please confirm your attendance together with payment to
Malaysian Palm Oil Board by 13 June 2011

To: Director-General
Malaysian Palm Oil Board (MPOB)
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
(Attn: Head of Unit, HRD & Conference Management Unit)
Tel: 03-8769 4567 Fax: 03-8925 7549

- Payment of RM 50.00 to "Malaysian Palm Oil Board" is enclosed (Cheque No: _____)
- Please invoice my organization
Attached with this Registration Form is Local Order to guarantee payment from my organization.

Please register:

Name: _____ Designation: _____
MyKad No: _____
Organization/Company: _____
Postal Address: _____
Postcode: _____ State: _____
Tel: _____ Fax: _____
E-mail: _____
Signature: _____ Date: _____



Minda

Datuk Dr Choo Yuen May
KETUA PENGARAH MPOB

WALAU PUN industri sawit sering dikaitkan dengan pengeluaran minyak; minyak sawit dan minyak isirung sawit, namun hakikatnya, komponen minyak adalah hanya 10 peratus daripada jumlah biojisim pokok sawit. Pelbagai jenis biojisim dijana dalam proses pengeluaran produk sawit. Ini termasuk pelepah sawit, batang sawit (sewaktu masa penanaman semula), tandan buah kosong (EFB), tempurung, gentian mesokarpa dan efluen kilang sawit. Biojisim ini berpotensi menjana pendapatan tambahan dan jika berjaya digunakan secara mampan akan juga mengurangkan tapak karbon industri. Adalah dianggarkan 20 juta tan EFB, 45 juta tan pelepah, 17 juta tan batang sawit, 7.7 juta tan gentian mesokarpa, 4.5 juta tan tempurung dan 62 juta tan efluen kilang sawit dijana pada tahun 2010.

Memandangkan potensi biojisim sawit ini, MPOB sejak 1990-an merangka strategi buangan sifar sebagai satu cabang strategi serampang tiga mata penyelidikan dan pembangunannya. Ini bertujuan menggunakan sepenuhnya biojisim ini untuk pelbagai aplikasi. Berdasarkan amalan semasa, kilang sawit menggunakan tempurung sawit dan gentian mesokarpa sebagai bahan bakar untuk dandang stim. Pelepah sawit dan EFB pula diletakkan di ladang sebagai 'mulch' bagi tujuan pembajaan. Seterusnya banyak usaha juga dilakukan untuk menghasilkan kompos dengan menggunakan campuran EFB dan efluen kilang sawit.

Satu lagi penggunaan biojisim sawit ialah di dalam bidang tenaga yang boleh diperbaharui. EFB boleh dijadikan bahan api bagi menjana tenaga elektrik. Sehingga kini, terdapat 4 stesen jana kuasa elektrik berkapasiti 10MW setiap satu di Malaysia yang menjana tenaga elektrik menggunakan EFB. Satu lagi punca tenaga adalah daripada biogas yang dapat dijana daripada efluen kilang sawit. Setakat ini, terdapat 38 kilang daripada sejumlah 424 kilang sawit di Malaysia yang selesai mendirikan sistem pemangkapan biogas manakala 34 lagi masih di dalam proses pembinaan dan 47 di dalam proses perancangan. Di bawah projek permulaan 5 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sektor sawit, semua kilang sawit disasar mendirikan sistem biogas menjelang 2020. Biojisim sawit juga boleh digunakan sebagai bahan mentah untuk pengeluaran biobahan api generasi kedua seperti bioetanol dan diesel sintetik. Projek permulaan 7 di bawah NKEA sawit berdasarkan penghasilan bio-oil daripada EFB yang boleh digunakan sebagai bahanapi. Bahanapi pepejal seperti briquette dan pellet juga boleh dihasilkan daripada biojisim sawit.

Beberapa jenis produk biokomposit seperti papan lapis, papan serpihan (particleboard), produk acuan palpa dan papan gentian ketumpatan sederhana (medium density fibreboard) dapat diperbuat daripada biojisim sawit. Penyelidikan di MPOB juga berjaya menghasilkan komponen kereta seperti rear parcel shelf dan dampening sheet yang mengandungi isian gentian sawit. Untuk produk bernilai tinggi, bahan kimia seperti selulosa, hemiselulosa dan lignin juga boleh dihasilkan daripada biojisim sawit. Terbitan selulosa yang bernilai tinggi seperti selulosa karboksimetil (CMC), selulosa asetat dan selulosa mikrokrystalin boleh digunakan dengan meluas dalam industri makanan dan farmaseutikal. Terbitan glukosa pula boleh digunakan sebagai bahan asas asid levulinic, asid polilaktik dan juga etanol. Manakala terbitan hemiselulosa boleh diguna untuk penghasilan furfural, xilosa, xilitol, xilan dan lain-lain lagi. Terbitan lignin pula boleh digunakan dalam penghasilan resin fenolik, perekat fenolik, karbon hitam dan perekat untuk konkrit. Kerajaan menyediakan banyak insentif untuk menggalakkan projek biojisim sawit terutama projek tenaga boleh diperbaharui. Ini termasuk status perintis, elaun cukai pelaburan, pengecualian cukai import dan cukai jualan, pengecualian cukai bagi keuntungan dari jualan kredit karbon dan sebagainya. Saya yakin bahawa tumpuan Kerajaan dan pihak industri dalam penyelidikan dan pembangunan serta usaha pengkomersilan biojisim sawit akan mengubah status biojisim sawit daripada bahan buangan kepada bahan sampingan dan seterusnya kepada bahan utama industri sawit seiring minyak sawit. — choo@mpob.gov.my



TAN SRI Bernard Dompok melawat bengkel pelatih Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) di Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), Keratong selepas majlis perasmian pusat itu. Turut kelihatan Ketua Setiausaha KPPK, Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim (tiga dari kiri), Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri) dan Timbalan Ketua Pengarah MPOB (Penyelidikan), Dr Ahmad Kushairi Din (kanan).

PLASMA lahir pekerja mahir

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

Rakyat tempatan dilatih kendali jentera perladangan

KERATONG: Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), Keratong, Pahang, akan menjadi institusi latihan yang bakal melahirkan pekerja mahir rakyat tempatan bagi sektor perladangan sawit dengan tumpuan kepada penggunaan mekanisasi kejenteraan.

PLASMA Keratong adalah yang kedua dibangunkan MPOB selepas PLASMA pertama di Lahad Datu, Sabah yang beroperasi sejak tahun 2006.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK), Tan Sri Bernard Dompok, sewaktu berucap merasmikan bangunan baru PLASMA itu baru-baru ini berkata, pusat

ini akan melatih pekerja tempatan untuk dibekalkan kepada sektor perladangan komoditi negara terutama sawit.

"Ia adalah kampus induk Kursus Operator Mekanisasi Ladang (KOML) dan tumpuan kursus adalah kemahiran mengguna dan menyelenggara jentera untuk kerja-kerja ladang seperti menuai buah, meracun, membaja dan mengangkut peralatan dan input pertanian," katanya.

Bangunan PLASMA Keratong yang menelan belanja RM36 juta siap dan mula beroperasi pada Mac lalu, berupaya melatih sehingga 100 orang setiap sesi.

Beliau berkata, PLASMA

membuka peluang kepada remaja dan belia tempatan menceburi kerjaya di sektor perladangan sawit dan ia sejajar hasrat kerajaan meningkatkan pembangunan modal insan dan melahirkan tenaga kerja tempatan yang kreatif, inovatif dan berkemahiran bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di ladang sawit.

"Pelatih juga berpeluang memanfaatkan ilmu dan kemahiran yang diperoleh dengan menjadi usahawan dalam bidang penjenteraan ladang atau bidang berkaitan," katanya.

Dompok berkata, berdasarkan soal selidik MPOB sehingga Januari lalu, seramai

305,974 warga asing bekerja di sektor perladangan sawit.

"Dengan wujudnya pusat latihan kepada rakyat tempatan seperti ini, kerajaan menjangka berupaya mencapai sasaran mengurangkan bilangan pekerja asing ke peringkat minimum menjelang 2020," katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Timbalan Menteri Sumber Manusia, merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Muadzam Shah, Senator Dato' Maznah Mazlan; Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad; Ketua Setiausaha KPPK, Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

POTS Korea buka peluang tingkat eksport sawit

Oleh Dr Oii Cheng Kiat
ooi@mpob.gov.my

SEOUL (KOREA): Seminar dan Pameran Perdagangan Minyak Sawit (POTS), Malaysia-Korea Selatan 2011 yang berlangsung di sini, baru-baru ini, membuka peluang bagi meningkatkan penggunaan dan eksport minyak sawit Malaysia ke negara ini.

POTS Korea adalah lanjutan dari POTS dianjurkan sebelum ini di Malaysia, Mesir, China, Russia, Jepun, Pakistan dan India. Fokus utama POTS Korea adalah untuk mengukuhkan pasaran minyak sawit Malaysia di negara berkenaan dan pada masa sama mencari peluang baru perniagaan dan pasaran.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, sewaktu

berucap merasmikan POTS Korea Selatan berkata, beliau yakin penggunaan minyak sawit di negara berkenaan akan terus meningkat memandangkan minyak sawit adalah minyak serba guna (versatility).

POTS Korea Selatan adalah anjuran bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) yang dihadiri lebih 200 peserta dari seluruh dunia. Turut hadir, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Dompok berkata, import minyak sawit Malaysia ke negara itu meningkat sejak 2006 dan tahun lalu, Korea mengimport 881,180 tan minyak sawit bernilai RM1.28 bilion dari Malaysia dan ia adalah 32 peratus jumlah keseluruhan import minyak sayuran dan lemak

negara itu. Jumlah itu menunjukkan peningkatan 25.5 peratus berbanding jumlah import 2009 bernilai RM1.02 bilion.

Dompok berkata, Malaysia akan memastikan minyak sawit yang dieksport sama ada untuk kegunaan makanan atau bukan makanan adalah minyak sawit mapan yang dihasilkan secara amalan pertanian baik. Beliau yakin penggunaan minyak sawit di negara itu akan terus meningkat untuk kegunaan isi rumah, syarikat pengeluar produk oleokimia dan syarikat pengeluar biodiesel.

Keyakinan itu berasas apabila Korea Selatan mula menguatkuasakan penggunaan biodiesel campuran 2 peratus pada tahun 2012 dan pada masa sama minyak makan berasas

sawit juga diterima ramai pengguna negara itu.

Beliau berkata, minyak makan 'Novelin' yang dicampur dengan minyak 'rapeseed' mendapat sambutan baik memandangkan minyak ini tidak beku dalam cuaca dan suhu sejuk.

"Selain baik bagi minyak masak, minyak sawit juga mengandungi ramuan bio-aktif yang bermanfaat. Kelebihan minyak sawit juga kerana ia langsung tidak mengandungi lemak trans dan tiada penghidrogenan.

"Jumlah penduduk yang besar dan penghapusan duti import melalui perjanjian perdagangan bebas ASEAN - Korea Selatan yang ditandatangani pada 2009 menggalakkan lagi import minyak sawit Malaysia," katanya.



TAN SRI BERNARD DOMPOK menyampaikan replika cek bantuan Skim Diskaun CANTAS kepada pekebun kecil sawit Roslee Abd Rahim Julaihi sempena Majlis Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di Serian, Sarawak. Turut kelihatan Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Richard Riot yang juga Ahli Parlimen Serian (kiri) dan Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan, Adzmi Hassan (kanan)

MPOB bantu pekebun kecil tanam baru, semula sawit

Bantuan RM7,000 bagi setiap hektar tanaman

Oleh Noor Asmawati
Abdul Samad
watie@mopob.gov.my

SERIAN (SARAWAK): Kerajaan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan memberi bantuan kepada pekebun kecil sawit yang layak bagi menanam semula komoditi itu dan juga bagi mereka yang baru hendak menanam.

Mereka yang layak akan menerima bantuan kewangan sebanyak RM7,000 bagi setiap hektar yang diusahakan di bawah Skim Tanam Semula Sawit Pekebun Kecil (TSSPK) dan Skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Had bantuan maksimum bagi setiap pemohon adalah 5 hektar.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan

Sri Bernard Dompok, berkata demikian ketika berucap merasmikan program Pemimpin Bersama Pekebun Kecil Sawit di Dewan Rekreasi Ranchan, di sini, baru-baru ini.

"Kerajaan ingin membantu pekebun kecil sawit meningkatkan pendapatan dan taraf sosio-ekonominya melalui peningkatan penghasilan Buah Tandan Segar (BTS) tanaman sawit."

"Kita akan membantu mereka menanam semula pokok sawit tua yang melebihi umur 25 tahun dengan anak benih berkualiti yang berupaya menghasilkan BTS yang tinggi."

"Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan Bantuan Penyelenggaraan Kebun (BPK) sebanyak RM500 sebu-

lan selama 24 bulan kepada mereka yang lulus bantuan Skim TSSPK.

"Kita menasaskan menyalurkan BPK kepada 1,200 pekebun kecil yang memiliki keluasan maksimum 2.5 hektar tanaman sawit dan memenuhi syarat ditetapkan," katanya.

Dompok berkata, bantuan RM7,000.00 itu disalurkan kepada mereka yang layak untuk membiayai kos pembersihan, penyediaan kebun dan anak benih berkualiti yang akan dibekalkan oleh MPOB.

"Bantuan itu juga meliputi kos pembelian baja bagi anak pokok yang baru ditanam itu untuk tempoh dua tahun," katanya.

Pekebun digalakkan mendapatkan khidmat nasihat MPOB dan melaksanakan amalan pertanian baik bagi

meningkatkan produktiviti selaras visi mencapai purata 26 tan sehektar setahun BTS menjelang 2020."

Peningkatan produktiviti BTS dan minyak sawit adalah agenda utama Kerajaan bagi merealisasikan sasaran penajanaan pendapatan sektor sawit di bawah Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA).

Beliau berkata, Negeri Sarawak mempunyai 10,417 pekebun kecil berdaftar dengan MPOB dengan keluasan 58,800 hektar.

Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Menteri Luar, Datuk Richard Riot yang juga Ahli Parlimen Serian dan Pengarah Pelesenan dan Penguatkuasaan, Adzmi Hassan mewakili Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Pendapatan eksport komoditi capai RM113 bilion

SIBU: Pendapatan eksport komoditi utama negara dan produk berasaskannya merekodkan pencapaian sejumlah RM113 bilion tahun lalu iaitu peningkatan sebanyak 73 peratus berbanding pencapaian tahun 2005 yang berjumlah RM65.3 bilion.

Komoditi minyak sawit adalah penyumbang terbesar dalam peningkatan itu, katanya.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian ketika berucap merasmikan Seminar dan Pameran Komoditi anjuran Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) di sini, baru-baru ini.

Komoditi utama adalah minyak sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf, tembakau, sago dan jatropaha. Komoditi ini memberi pendapatan lumayan kepada pekebun selain sumbangan besar kepada pendapatan negara.

Beliau berkata, sektor perladangan dan komoditi mampu memberi peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini. Pada tahun lalu, jumlah tenaga kerja negara adalah 11.6 juta orang dan dari jumlah itu, seramai 1.3 juta atau 11.2 peratus bekerja di sektor perladangan dan komoditi.

"Setiap tahun, sebilangan dari mereka ini akan bersara dan ini akan mewujudkan kekosongan yang perlu diisi. Generasi baru perlu mengambil tempat mereka untuk meneruskan pengeluaran komoditi berkenaan."

"Oleh itu, fokus kerajaan

adalah meningkatkan bilangan pekerja mahir tempatan dan sehubungan itu, Kementerian menubuhkan Institut Perladangan dan Komoditi Malaysia (IMPAC) bagi melatih belia tempatan melahirkan tenaga kerja mahir di sektor perladangan dan komoditi," katanya.

Dompok berkata, Kementerian mengambil inisiatif menganjurkan siri seminar seperti itu bagi meningkatkan kesedaran dan pengetahuan orang ramai mengenai peluang kerjaya di sektor ini.

"Selain itu, ia bertujuan memupuk dan menarik minat golongan muda termasuk pelajar sekolah dan pusat pengajian tinggi supaya menceburi kerjaya di sektor perladangan dan komoditi selepas tamat pengajian," katanya.

Katanya, melalui seminar dan pameran yang diadakan diharap belia dan orang ramai mengambil peluang berbilang dan mendapatkan maklumat menyeluruh mengenai bidang dan peluang kerjaya ditawarkan.

"Mengikuti rekod terkini, sektor perladangan dan komoditi mempunyai lebih 5,000 jawatan kosong yang perlu diisi merangkumi pelbagai peringkat jawatan dan tahap kemahiran," katanya.

Turut hadir pada majlis itu, Setiausaha Bahagian Penyelidikan Inovasi dan Modal Insan Industri KPPK, Akmah Ehtook dan Pemangku Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) MPOB, Ahmad Sidek Stroo mewakili Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

PAC lantik pakar menasihati strategi penyelidikan MPOB

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mopob.gov.my

BANGI: Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) yang diadakan setiap tahun adalah mekanisme utama bagi memastikan projek penyelidikan dan pembangunan yang dijalankan MPOB mempunyai strategi bertepatan.

Ahli PAC yang dipilih dan dilantik itu terdiri daripada saintis dan pakar dalam bidang berkaitan industri minyak sawit sama ada dari dalam atau luar negara. Mereka akan meneliti se-

tiap cadangan projek penyelidikan MPOB dan pada masa sama menasihati dan memberi cadangan bagi menambahkan pelaksanaan program berkenaan.

Pengerusi MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, berkata demikian sewaktu berucap merasmikan mesyuarat program PAC kali ke-31 yang diadakan di Ibu Pejabat MPOB, di sini, baru-baru ini. Turut hadir, Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Beliau berkata, projek penyelidikan yang dilakukan itu perlu relevan dan hasil-

nya berupaya membantu industri sawit meningkatkan kemajuan secara mapan dan berdaya saing di pasaran tempatan dan global.

"Sebagai agensi penyelidikan, prestasi MPOB dinilai melalui hasil penyelidikan yang dicapai, terutama inovasi baru yang berupaya digunakan kepada pembangunan dan kemajuan industri sawit negara."

"Penghasilan teknologi dan inovasi baru adalah penting bagi industri untuk terus kompetitif. Melalui pengunaannya, industri berupa-

ya meningkatkan produktiviti, menghasilkan produk nilai tambah dan sekali gus menjana pendapatan," katanya.

Shahrir turut mengalu-alukan 31 ahli PAC yang baru dilantik bagi Jawatankuasa Kecil Biologi; Kualiti dan Nutrisi Makanan; Kejuruteraan dan Pemprosesan; Oleokimia; Tekno-Ekonomi dan Jawatankuasa Kecil Pembangunan Industri dan Khidmat Nasihat Teknikal.

Seramai 61 ahli PAC dilantik pada tahun ini dan beliau berharap dengan sumbangan

kepakaran ahli PAC itu MPOB berupaya menghasilkan penyelidikan berkualiti sekali gus meletakkan Malaysia sebagai peneraju utama industri minyak sawit dunia.

"Bukan itu saja, kita juga ingin mengekalkan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan industri sawit terutama pusat penghasilan bahan tanaman berkualiti, teknologi pemrosesan moden, penghasilan produk baru dan produk nilai tambah berasas sawit," katanya.

Beliau berkata, tahun lalu, keluasan tanaman sawit

merekodkan peningkatan 3.47 peratus atau 162,606 hektar kepada 4.85 juta hektar berbanding tahun sebelumnya manakala pengeluaran minyak sawit mentah pula berjumlah 16.99 juta tan, turun 3.3 peratus berbanding 17.56 juta tan pada tahun 2009.

"Bagaimanapun prestasi eksport dan harga minyak sawit yang meningkat pada tahun lalu menyumbang peningkatan bagi nilai pendapatan eksport minyak sawit kepada RM62.82 bilion berbanding RM49.7 bilion pada tahun 2009," katanya.



“Buah tandan muda sawit tidak mempunyai kandungan minyak dan dikenalpasti sebagai salah satu sebab utama kejatuhan OER apabila buah sawit yang diproses di kilang mempunyai peratusan yang tinggi buah tandan muda. Melalui EPP4, kerajaan mensasarkan peningkatan OER kepada 23 peratus menjelang tahun 2020 daripada 20.49 peratus pada masa ini melalui peningkatan tahunan sebanyak 0.3 peratus”

Zulkefli Shawal
Ketua Pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia
(MPOB), Wilayah Selatan

MPOB Wilayah Selatan giat laksana EPP4 di bawah NKEA

Transformasi ekonomi akan pertingkat produktiviti sawit

Oleh Azran Jaffar
azran@bharian.com.my

TANGKAK: Pejabat Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Wilayah Selatan, yakin inisiatif kerajaan dalam memajukan industri sawit di negara ini seperti digariskan di bawah Pelan Hala Tuju Program Transformasi Ekonomi (ETP) akan dapat dilaksanakan.

Ketuanya, Zulkefli Shawal, berkata pada masa ini pihaknya sedang memberi tumpuan kepada projek permulaan (EPP4), Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit iaitu meningkatkan Kadar Perahan Minyak (OER) dengan meningkatkan pemahaman di kalangan peniaga buah sawit dan pekebun kecil supaya tidak berurusan dengan buah tandan muda.

“Buah tandan muda sawit tidak mempunyai kandungan minyak dan dikenalpasti sebagai salah satu sebab utama kejatuhan OER apabila buah sawit yang diproses di kilang mempunyai peratusan yang tinggi buah tandan muda.

“Melalui EPP4, kerajaan mensasarkan peningkatan OER kepada 23 peratus menjelang tahun 2020 daripada 20.49 peratus pada masa ini melalui peningkatan tahunan sebanyak 0.3 peratus.

“Untuk tujuan itu juga Pejabat MPOB Wilayah Selatan menempatkan 27 penguat kuasa MPOB di 27 kilang di Johor untuk menjalankan pemantauan terhadap perkara ini.

“Pada masa ini terdapat 63 kilang sawit di seluruh negeri Johor dan kita akan mendapat tambahan 86 penguat kuasa lagi untuk ditempatkan di semua kilang sawit negeri ini,” katanya ketika ditemui di pejabat MPOB, Cawangan Tangkak, baru-baru ini.

Pejabat MPOB Wilayah Selatan yang berpangkalan di Johor Baru pada masa ini mengawasi tiga pejabat MPOB di negeri ini iaitu Pejabat Cawangan Kluang, Cawangan Tangkak dan Stesen Pelabuhan Pasir Gudang.

Pejabat Pelabuhan Pasir Gudang yang terletak di pelabuhan itu mempunyai makmal bagi menguji dan menganalisa keluaran sawit untuk eksport.

Zulkefli berkata, penempatan penguat kuasa di kilang sawit yang

dilaksanakan pada 1 April lalu mula memperlihatkan kesan yang baik dari pengilang dan kualiti buah sawit yang diterima didapati meningkat.

“Malah kilang yang masih belum dapat penguat kuasa MPOB, meminta kami menempatkan segera pegawai penguat kuasa di kilang mereka dan kita akan menempatkan pegawai itu sebaik saja kita mendapat tambahan pegawai itu dalam masa terdekat.

“Ada kilang menyediakan kontena untuk dijadikan pejabat bagi memastikan penguat kuasa MPOB dapat melaksanakan tugas diamanahkan dengan berkesan. Ini menunjukkan penerimaan baik pengilang terhadap inisiatif NKEA kerana mereka sedar kehadiran penguat kuasa adalah untuk meningkatkan OER yang secara langsung akan memberi kebaikan kepada mereka,” katanya.

Johor adalah negeri ketiga terbesar dari segi keluasan tanaman sawit, selepas Sabah dan Sarawak. Bagaimanapun dari segi kematangan industri, Johor adalah yang pertama.

“Johor tidak mempunyai keluasan tanah yang besar seperti Sabah dan Sarawak untuk mengembangkan perladangan sawit dan untuk itu ia banyak terbabit dalam kegiatan hiliran industri sawit,” katanya.

Ditanya mengenai tugas Pejabat MPOB Wilayah Selatan, Zulkefli berkata, selain penguatkuasaan ia juga terbabit dalam pelesenan aktiviti berkaitan kelapa sawit.

“Kita akan pastikan mereka yang terbabit dalam industri sawit dilesen kerana ada kes memabiskan menyimpan tanpa lesen, sedut-curi minyak sawit di samping memastikan syarat yang ditetapkan dalam lesen dipatuhi,” katanya.

Mengulas mengenai aktiviti sedut-curi minyak sawit, beliau berkata, pihaknya bekerjasama dengan Polis, Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Alam Sekitar bagi membendunginya.

Aktiviti ini bukan saja melanggar Akta MPOB dan boleh diambil tindakan undang-undang tetapi juga memberi kesan tidak baik kepada industri sawit kerana menyebabkan pencemaran kepada minyak sawit, katanya.

Announcement

NATIONAL SEMINAR ON BIOGAS AND PALM OIL MILL TREATMENT (Biogas-POMET)

6 - 7 June 2011
Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu, Sabah

Who Should Attend: (Limited to Malaysian only)

CEOs, executives, researchers, academicians, engineers, scientists, millers, refiners, planters, Consultants, products, machinery and services related to the palm oil industry.

Objectives:

- To highlight and disseminate the latest development on National Key Economic Area (NKEA), particularly on national biogas implementation in palm oil mill.
- To highlight the relevant and latest technologies in effluent treatment, biogas capture and utilization that will contribute to the sustainability of the palm oil industry.
- To inform and encourage the palm oil industry to adopt commercially available technologies for effluent treatment, biogas capture and utilization in palm oil mills.
- To highlight the latest development on environmental quality improvement in palm oil mills.
- To deliberate on policies, incentives, disincentives and action plans in effluent, treatment, biogas capture and utilization.
- To provide a forum for meaningful interaction and exchange of ideas and experiences amongst the relevant agencies and participants.

Area of Focus:

- Biogas capture and utilization technology.
- Policy and programme for biogas capture and utilization.
- Industrial experience on biogas technology.
- Regulatory and policy development on effluent treatment.
- Management of palm oil mill effluent (POME) treatment.
- R&D towards zero discharge.

Registration:

A registration fee of RM 950 entitles a participant for full attendance of the seminar. The fee covers handouts of the seminar papers, refreshments and lunches for the duration of the seminar. To participate in this seminar, please complete the Registration Form and mail it with payment before 31 May 2011.

For submission and enquiry, please contact:

Ruba'ah Masri/Azizah Lockman
Tel : 03-8769 4567 / 03-8769 4568
Fax : 03-8922 1743 / 03-8925 7549
E-mail : rubaah@mpob.gov.my
azizah@mpob.gov.my



Accommodation:

For all participants of the seminar, special room rates have been arranged with Sutera Harbour Resort, Kota Kinabalu.

Exhibition:

In conjunction with the seminar, an exhibition will also be organized for suppliers of products and services related to the palm oil mill, biogas and effluent treatment. These expressly planned interactions among the palm oil industrialists and exhibiting companies will be mutually beneficial. Participants will be updated on the latest technologies available. Similarly, exhibiting companies are provided with an opportunity to introduce their latest products and influence their potential customers. More than 200 participants are expected to attend this seminar. Exhibition booths are available for booking. Each exhibitor will be entitled to register 2 seminar participants.

Booth Rates:

3 m (D) x 3 m (W) booths: RM 3000 - RM 5000
(Booth price varies according to location)

For booking and enquiry, please contact:

Yahaya Hawari
Tel : 03-8769 4672/03-8769 4817
Fax : 03-8926 2971
E-mail : yayahawari@mpob.gov.my

Advertisement:

Companies are welcome to advertise in the Souvenir Programme. Please submit the Advertisement Form with payment before **23 May 2011**.





100 pegawai MPOB mula bertugas di kilang

Kerajaan sasar tingkat purata OER daripada 20.45 peratus masa kini kepada 23 peratus pada 2020

Oleh Che Johari Mamat
mjohari@mpob.gov.my

KERATONG: Seramai 100 Penolong Pegawai Penguatkuasa baru MPOB mula ditempatkan di kilang sawit seluruh negara bagi membantu meningkatkan pencapaian kadar perahan minyak (OER).

Peningkatan OER kilang sawit adalah satu daripada Projek Permulaan (EPP) Industri Sawit di bawah Bidang Ekonomi Utama Nasional (NKEA) yang dikenalpasti Kerajaan bagi menjayakan Program Transformasi Ekonomi (ETP) negara.

Kerajaan menasarkankan peningkatan purata OER daripada 20.45 peratus masa kini kepada 23 peratus dan pada masa sama menjana Pendaftar Kasar Negara (GNI) se-

banyak RM13.7 bilion menjelang tahun 2020.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Dompok, berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), Keratong, di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, pegawai itu dilatih dari pelbagai aspek industri sawit, tanggungjawab dan etika kerja pegawai perkhidmatan awam disamping tugas utama mereka selaku penguatkuasa untuk memastikan pencapaian peningkatan OER kilang sawit di bawah kawalan mereka.

"Pegawai ini mula ditempatkan di kilang sawit seluruh negara terutama kilang yang prestasi purata pencapaian OER di bawah 20 peratus dan memproses buah

tandan segar (BTS) yang dibekalkan oleh peladang dan pekebun luar.

"Mereka akan menjalankan tanggungjawab sebagai pegawai yang mengawal kualiti BTS yang diterima dan yang akan diproses oleh kilang bagi menghasilkan minyak sawit," katanya.

Kilang sawit dinasihatkan supaya melaksanakan pengendalian BTS secara ketat dan tidak memproses buah muda atau buah berkualiti rendah bagi mengelakkan kejatuhan OER.

Bagi merealisasikan peningkatan OER, kilang sawit seluruh negara di ranking mengikut prestasi pencapaian purata OER dan sumber bekalan buah sawit yang diproses.

Untuk tujuan itu, kilang dikategori kepada A, B dan C. Kategori A adalah kilang



100 Penolong Pegawai Penguatkuasa yang baru dilantik di tempatkan di kilang sawit seluruh negara yang terpilih mulai 1 April 2011 lalu bagi membantu kilang sawit meningkatkan Kadar Perahan Minyak (OER).

yang perlu diberi lebih perhatian iaitu kilang yang mencapai purata OER di bawah 20 peratus dan memproses buah sawit bekalan luar.

Kategori B adalah kilang sawit FELDA dan kilang

yang mencapai OER melebihi 20 peratus dan memproses kurang dari 50 peratus buah sawit bekalan luar; manakala Kategori C adalah kilang yang memproses buah sawit ladang sendiri.

Kilang sawit seluruh negara juga akan dikelompokkan kepada 5 buah setiap kelompok bagi memudahkan pengawalan dan setakat ini sejumlah 104 kelompok telah dikenalpasti.

Pengeluaran minyak sawit Mac 2011 naik 29.4 peratus

Oleh Norfadilah Hashim
dila@mpob.gov.my

KELANA JAYA: Pengeluaran minyak sawit mentah (MSM) Malaysia bulan Mac 2011 berjumlah 1,416,032 tan meningkat sebanyak 321,693 tan atau 29.4 peratus berbanding bulan sebelumnya. Peningkatan ini disebabkan peningkatan pengeluaran buah sawit 25.8 peratus dan Kadar Perahan Minyak (OER) sebanyak 0.3 peratus.

Semua negeri mengalami peningkatan di antara 19.7 peratus dan 38.7 peratus. Dari segi kuantiti pula, pengeluaran meningkat di antara 1,196 tan dan 95,533 tan. Negeri Sabah mencatat peningkatan terbesar, iaitu sebanyak 95,533 tan, diikuti Johor 57,201 tan, Pahang 54,038 tan dan Perak 37,824 tan.

Pengeluaran MSM di Semenanjung Malaysia ialah 791,471 tan, meningkat 192,778 tan atau 32.2 peratus berbanding bulan sebelumnya. Pengeluaran Sabah sebanyak 434,568 tan, meningkat 95,533 tan atau 28.2 peratus manakala Sarawak adalah 189,993 tan, meningkat 33,382 tan atau 21.3 peratus.

Sementara itu, prestasi eksport produk sawit mencatat peningkatan 10.8 peratus kepada 1,234,651 tan ber-

INFO			
Ringkasan Prestasi Industri Sawit bulan Mac 2011			
Perkara	Februari 2011	Mac 2011	Beza & Peratus (%)
PENGELUARAN (Tan)			
Minyak sawit mentah	1,094,339	1,416,032	321,693 (29.4)
Isirung sawit	279,218	368,419	89,201 (31.9)
Minyak isirung sawit mentah	117,843	161,657	43,814 (37.2)
EKSPORT (Tan)			
Minyak sawit	1,114,537	1,234,651	120,114 (10.8)
Minyak isirung sawit	76,437	94,502	18,065 (23.6)
STOK AKHIR (Tan)			
Minyak sawit	1,481,480	1,614,066	132,656 (9.0)
Isirung sawit	108,015	126,892	18,877 (17.5)
Minyak isirung sawit	258,819	247,604	-11,215 (-4.3)
IMPORT (Tan)			
Minyak sawit	189,411	133,505	-55,906 (-29.5)
HARGA (RM/Tan)			
Buah tandan segar (1% OER)	44.2	39.5	-4.7 (-10.6)
Minyak sawit mentah (Tempatan)	RM3,811	RM3,498	-RM313 (-8.2)
Isirung sawit (Di pintu kilang)	RM3,297.50	RM2,707.50	-RM590 (-17.9)
KADAR PERAHAN MINYAK SAWIT - OER (%)			
Malaysia (Nasional)	19.62	19.67	0.05 (0.03)
Semenanjung Malaysia	19.55	19.35	-0.20 (-1.0)
Sabah	19.42	19.87	0.45 (2.3)
Sarawak	20.34	20.57	0.23 (1.1)
HASIL (Tan/Hektar)			
Buah tandan segar	1.20	1.51	0.31 (25.8)
Minyak sawit mentah	0.24	0.30	0.06 (25.0)

banding 1,114,537 tan pada bulan sebelumnya. Peningkatan masih tertumpu kepada negara-negara pembeli tradisi seperti Pakistan, Republik Rakyat China, Bangladesh, Iran dan Amerika Syarikat.

Eksport minyak sawit ke Pakistan dan Bangladesh meningkat kepada 129,397 tan dan kepada 13,591 tan manakala eksport ke Republik Rakyat China naik 4.7

peratus kepada 306,793 tan berbanding 293,102 tan ekan dari berkurangnya import minyak kacang soya.

Eksport ke Amerika Syarikat juga melonjak 11.7 peratus kepada 103,663 tan berbanding 92,765 tan. Peningkatan ini adalah kerana kesan positif lanjutan daripada penglabelan asid lemak trans yang berkuatkan di negara berkenaan sejak tahun 2006.

**KURSUS
PENGURUSAN &
PENYELENGGARAAN NURSERI SAWIT**

Orang ramai terutama pengusaha tapak semaian sawit seluruh negara dipelawa untuk menyertai kursus tersebut yang akan diadakan seperti dibawah:

OBJEKTIF KURSUS

- Memberi pengetahuan secara jelas dan mendalam mengenai pengurusan nurseri sawit mengikut piawaian yang ditetapkan.
- Memberi pendedahan tentang keperluan dan standard yang diperlukan oleh pengusaha nurseri sawit bagi memenuhi kriteria Code of Good Nursery Practice for Oil Palm Nurseries (CoPN).
- Memberi pendedahan tentang peraturan dan perundangan dalam semaian sawit.

TAJUK KURSUS ADALAH:

- Aspek Ekonomi Nurseri Sawit
- Pengawalselaan Nurseri Sawit
- Pengurusan Nurseri Sawit
- Kod Amalan Baik Nurseri Sawit (CoPN)
- Latihan amali di nurseri sawit bagi mempelajari kaedah pengurusan dan penyelenggaraan nurseri sawit yang betul.

YURAN PENYERTAAN

RM 500. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draft atau kiriman wang pos atas nama **KETUA PENGARAH MPOB.**

BORANG PERMOHONAN

Pemohon hendaklah mengisi borang permohonan yang boleh didapati di laman web MPOB www.mpob.gov.my.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Tarikh tutup permohonan bagi setiap wilayah adalah dua minggu sebelum kursus bermula.

TARIKH DAN JANGKA MASA KURSUS

**Wilayah Sabah/Sarawak
Sandakan, Sabah
(10-11 Mei 2011)**

**Wilayah Selatan/Timur
Felda Sg. Tekam, Pahang
(12-13 Julai 2011)**

**Wilayah Utara/Tengah
Teluk Intan, Perak
(27-28 September 2011)**

KANDUNGAN KURSUS

Syarah dan latihan semasa kursus akan disampaikan oleh pensyarah dan jurulatih yang berkelayakan dan pakar dalam tajuk berkaitan. Bahasa pengantar adalah Bahasa Malaysia.

PERTANYAAN
Untuk penyertaan lanjut, sila hubungi:

- Pn Hj Azidah Lockman
No. Tel : 03-89267046 atau
03-87694568 Faks : 03-89257549
E-mel : azidah@mpob.gov.my
- Noradiya Yunus
No. Tel : 03-8769 4870
Faks : 03-8925 7549
E-mel : noradiya@mpob.gov.my

WWW.mpob.gov.my

Cargill Palm pastikan minyak sawit eksport terjamin

Operasi, kemudahan sedia lengkap mampu hasilkan kualiti terbaik

Oleh Azran Jaffar
azran@baruan.com.my

DENGAN 90 peratus daripada minyak sawit yang diproses di kilang penapisannya di Pusat Perindustrian Gebeng, Kuantan, Pahang, adalah untuk eksport. Cargill Palm Products Sdn Bhd (Cargill Palm), memastikan operasinya mematuhi segala piawaian ditetapkan, di samping perjalanan setiap lori tangki mengangkut minyak sawit dikawal rapi dari kilangnya sehinggalah minyak itu dipam masuk ke kapal.

Langkah itu dilaksanakan bagi memastikan minyak sawit dan produk berkaitan yang dihasilkan Cargill Palm memenuhi spesifikasi kehendak pengguna, pada masa sama mengelak dari terjadinya pencemaran, sekali gus menjamin keselamatan pengguna.

Kilang penapis minyak sawit yang memulakan operasi pada 1981 sebelum diambil alih Cargill Palm pada 1991 itu adalah sebahagian daripada rangkaian global Cargill yang beroperasi di 66 negara dengan 131,000 pekerja.

Di Malaysia, Cargill berangkan di Kuala Lumpur dengan memiliki dua kilang penapis minyak sawit iaitu di Kuantan dan Pelabuhan Klang, Selangor. Rangkaian global Cargill bermula pada 1865 di Iowa, Amerika Syarikat. Bagaimanapun kini operasinya beribu pejabat di Minneapolis.

Ini terbabit dalam 75 perentasan yang dibahagikan kepada empat segmen iaitu pertanian, makanan, kewangan dan perindustrian. Antara keempat-empat segmen itu, kegiatan pertanian dan makanan adalah yang terbesar membabitkan kira-kira 80 peratus operasinya. Pengurus Kilang Cargill Palm, Lokman Mohd Nor, berkata kilang penapis minyak sawit berkenaan menjalankan dua operasi iaitu penapis dan pemeringkatan dengan kapasiti 500,000 tan setahun.

Hanya 10 peratus keluaran minyak sawit yang diproses, terutama RBD Palm Olein (minyak masak) untuk pasaran tempatan yang dijual secara pukal, manakala selebihnya dieksport ke Amerika Syarikat, Vietnam dan Pakistan, katanya.

Bagi pasaran di Amerika Syarikat sebahagiannya adalah untuk kegunaan rangkaian Cargill di sana, manakala di Vietnam dan Pakistan minyak sawit berkenaan digunakan sebagai minyak masak.

"Cargill Palm juga mempu-



PENGURUS Kilang Penapis CARGILL Palm Products Sdn Bhd, Lokman Mohd Nor (tengah) memerhatikan pekerjaanya mengemas minyak sawit mentah dari lori tangki pembekal ke dalam tangki simpanan kilang penapisnya untuk di proses.

nyai tangki simpanan dengan keupayaan menyimpan 50,000 tan yang terletak dalam kawasan Pelabuhan Kuantan, iaitu lima kilometer dari kilangnya di Gebeng.

Beliau berkata, mempunyai kemudahan tangki simpanan sendiri dan letaknya dalam kawasan pelabuhan memudahkan penyimpanan stok minyak sawit yang diproses dan aktiviti pengangkutan ke kapal untuk tujuan eksport.

"Kami tiada menghadapi masalah pengangkutan minyak sawit ke dalam kapal kerana tangki simpanan kami di pelabuhan mempunyai kemudahan lengkap bagi kerja itu. Kami mempunyai keupayaan pengangkutan dengan kadar isian 500 tan sejam," katanya.

Setiap bulan kami mengendalikannya antara empat hingga lapan kapal yang berlabuh di sini untuk mengambil bekalan minyak sawit yang diproses untuk hantaran ke luar negara.

Lokman berkata, pada masa ini, Cargill Palm mendapat bekalan minyak sawit mentah (MSM) daripada 25 pembekal untuk diproses.

"Antara pembekal utama adalah Kilang Sawit Terengganu Development and Management Berhad (TDMB), Kilang Sawit Bandar Chenoh Baru, Kilang Sawit Rakyat Ketengah Parvira (RKP), Kilang Sawit Lembaga Kemajuan Pertanian Pahang (LKPP), Kilang Sawit FELCRA, Kilang Sawit Jerantut dan Ki-



PENGURUS Kilang Penapis CARGILL, Lokman Mohd Nor menunjuk proses pengambilan dan penyediaan sampel minyak sawit mentah dari lori tangki pembekal untuk diperiksa dan diuji kualitinya sebelum minyak berkenaan disahkan penerimaan.

lang Sawit Sime Darby," katanya.

Proses pengangkutan dan pehalangan MSM dari kilang pembekal ke Cargill Palm dilakukan dengan kawalan ketat yang mana tangki lori akan dipateri (seal), timbang serta ukur dan apabila tiba di Cargill Palm, lori akan diperiksa dan MSM itu diambil sampel dan diuji serta disahkan dengan pihak

kilang pembekal sebelum MSM itu diterima.

Ditanya mengenai kejadian sedut curi membabitkan minyak sawit kepunyaan Cargill Palm sehingga kini, beliau menjelaskan, ia tidak berlaku. Katanya, pihaknya akan mematuhi peraturan baru ditetapkan MPOB dengan memastikan lori tangki yang mengangkut minyak sawit kepunyaan Car-

gill Palm mempunyai lesen mengangkut dan mengalihi daripada MPOB.

Lori pengangkut minyak sawit berkenaan perlu mematuhi syarat dengan melengkapkan alatan Global Positioning System (GPS) bagi memudahkan pemantauan pergerakan, sekali gus berupaya mengelak berlakunya kejadian sedut curi," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Cargill Palm mempunyai 23 lori tangki khas dari beberapa syarikat pengangkutan yang menandatangani kontrak bagi mengangkut minyak sawit dari kilang pembekal MSM dan juga mengangkut minyak sawit yang diproses ke tangki simpanan di Pelabuhan untuk tujuan eksport.

Bagi meningkatkan lagi ka-

walan mutu dan keselamatan, Cargill Palm tidak menerima bekalan MSM pada waktu malam dan sekiranya ada, pihaknya akan memastikan kawalan mutu dan keselamatan tambahan dilaksanakan.

Lokman berkata, pihaknya mempunyai hubungan yang baik dengan pembekal dan mereka memastikan apa yang diberikan adalah berkualiti kerana mereka juga sedar jika Cargill Palm tidak menerima apa yang dibekalkan mereka yang akhirnya akan menanggung segala kerugian.

Kaedah kawalan kualiti secara ketat kami memang diketahui pembekal sehingga ada keadaan mereka mengantar sampel MSM kepada kami untuk dianalisa bagi meyakinkan kami tentang kualiti sebelum bekalan dihantar," katanya.

Selain memperoleh lesen dari Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di peringkat tempatan operasinya, Cargill Palm juga memperoleh persijilkan daripada beberapa badan dan agensi seperti ISO 22000, ISO 14000 dan ISO 9001; GMP B2, juga penganan Halal dan Kosher.

Ia turut memperoleh persijilkan HACCP juga ahli kepada RSPO dan memperoleh persijilkan RSPO pada Januari lalu. Sehubungan itu, Lokman berkata, pihaknya juga cuba mengemukakan kesedaran di kalangan pembekal untuk menjadi ahli RSPO dan mendapat



“Kaedah kawalan kualiti secara ketat kami memang diketahui pembekal sehingga ada keadaan mereka mengantar sampel MSM kepada kami untuk dianalisa sebelum bekalan dihantar”

Lokman Mohd Nor
Pengurus Kilang Cargill Palm

INFO

- Nama Kilang Penapis: CARGILL Palm Products Sdn Bhd
- Alamat: Lot 1A, Kawasan Perindustrian Gebeng, 26080 Kuantan, Pahang
- Tahun Mula Operasi: 1982
- Jenis Penapisan/Keupayaan: Physical Refining - 384,000 mt Fractionation - 382,800 mt
- Minyak Sawit Yang Diproses: Minyak Sawit Mentah, Isirung Sawit Mentah
- Produk Yang Dihasilkan: RBD Palm Olein; RBD Palm Stearin; RBD Palm Oil; RBD Palm Kernel Oil; Palm Fatty Acid Distillate; Palm Kernel Fatty Acid Distillate

persijilkan RSPO. Melalui kawalan kualiti yang dilaksanakan, Cargill Palm berusaha menjadi pemain terbaik dalam memproses minyak sawit di rantau ini, di samping terbabit dalam projek tanggungjawab sosial korporat bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kewujudannya.

FREE

MPOB-GSAS SEMINAR 2011

Friday 24 June 2011 • MPOB Head Office Bandar Baru Bangi Selangor

OBJECTIVES

- Disseminate research findings arising from the MPOB-GSAS programme.
- Provide a forum for interaction and exchange of ideas amongst personnel of MPOB, universities and the palm oil industry.

SEMINAR BENEFITS

- Increase awareness and benefits of MPOB-GSAS programme.
- Foster networking and collaborations between MPOB and local universities.
- An update on research findings from the MPOB-GSAS programme.

WHO SHOULD ATTEND

- University students.
- Lecturers.
- Researchers.
- Members of the oil palm industry.
- Government agencies and ministries.

CLOSING DATE FOR REGISTRATION
20 June 2011

ENQUIRIES

Public Affairs: 03-7196 4167 / 03-7196 4167
Business Affairs: 03-7196 4167 / 03-7196 4167
E-mail: publicaffairs@mopb.gov.my / businessaffairs@mopb.gov.my

For more details, please sur! www.mopb.gov.my

FREE



PETIKAN

“MPOB harus mengetatkan penguatkuasaan dan mengambil tindakan terhadap peniaga yang mengambil buah tandan muda”

Tee Kim Soon
Ahli Jawatankuasa PPBSL

“Pengilang harus melihat kepada kualiti buah yang dibekalkan dan bukan kepada buah tandan muda semata-mata”

Tay Kim Biou
Ahli Jawatankuasa PPBSL



PENGERUSI Persatuan Peniaga Buah Sawit Ledang, Negeri Johor Darul Takzim, Mohd Janis Abu Bakar (empat dari kanan) bersama ahli jawatankuasa persatuan di pusat pengumpulan urus niaga buah sawit syarikat Mohd Janis Sdn Bhd. Turut kelihatan Ketua Pejabat, MPOB Wilayah Selatan, Zulkefli Shawal (lima dari kanan).

Peniaga Sawit Ledang patuh arahan

Tidak beli buah sawit muda dan akur syarat sekatan lesen MPOB

Oleh Azran Jaffar
azran@bharian.com.my

DALAM usaha membantu kerajaan meningkatkan Kadar Perahan Minyak (OER) sebanyak 23 peratus pada tahun 2020, Persatuan Peniaga Buah Sawit Ledang (PPBSL), Johor, giat mengingatkan ahli supaya tidak berurusan dengan buah sawit tandan muda yang dibekalkan pekebun kecil.

Persatuan yang dianggotai kira-kira 50 ahli itu menegaskan, mereka sentiasa mengikut amalan ditetapkan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan sudah menjelaskan kepada pekebun kecil supaya tidak membekalkan mereka dengan buah tandan muda.

Pengerusi PPBSL, Mohd Janis Abu Bakar, berkata kali terakhir ahli persatuan diingatkan mengenai perkara berkenaan pada mesyuarat terbaru mereka yang diadakan baru-baru ini dan setiap kali mesyuarat perkara itu antara agenda yang dibincangkan.

“Walaupun pada masa ini masih ada pekebun kecil yang membekalkan buah tandan muda tetapi peratusnya sudah semakin berkurangan iaitu antara 3 hingga 5 peratus dan dijangka dalam masa tidak berapa lama lagi masalah ini akan dapat diselesaikan,” katanya ketika ditemui di pejabatnya di Bukit Gambir, Ledang.

Turut hadir pada pertemuan itu adalah ahli jawatan-

kuasa PPBSL dan Ketua Pejabat, MPOB Wilayah Selatan, Zulkefli Shawal

Buah tanda muda bukan saja tidak mengandungi minyak, malah urus niaga buah tandan muda menjadi kesalahan di bawah Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia 1998 (Akta 582) yang membawa hukuman denda maksimum RM250,000 atau dua tahun penjara atau keduanya sekali jika disabitkan kesalahannya di mahkamah.

Ahli Persatuan tidak akan lagi berurusan dengan buah tandan muda dan pihak kilang juga tidak membeli dan tidak memproses buah tandan muda. Peniaga buah sawit yang bertindak sebagai peraih adalah orang tengah antara pekebun kecil dan pengilang.

Untuk memastikan perkara ini dilaksanakan dengan sepenuhnya, pada 1 April lalu MPOB menempatkan pegawai penguat kuasa di kilang kelapa sawit di seluruh negara untuk memastikan pengilang tidak membeli buah tandan muda.

Mohd Janis berkata, hampir 70 peratus pekebun kecil sudah memahami peraturan ditetapkan MPOB dan pihaknya dari semasa ke semasa memberi taklimat dan ingatan kepada pekebun kecil mengenai perkara itu.

“Bagi peniaga buah sawit pula, walaupun tidak semua mereka yang berada di kawasan Ledang menjadi ahli PPBSL, namun mereka juga diingatkan mengenai peratu-

ran itu dan pihaknya sentiasa berusaha untuk meningkatkan bilangan ahli PPBSL,” katanya.

Peningkatan dalam OER adalah satu daripada lapan projek permulaan (EPP) Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) Sawit digariskan di bawah Pelan Hala Tuju Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang mana kerajaan mensasarkan OER sebanyak 23 peratus pada tahun 2020 daripada 20.49 peratus pada masa ini melalui peningkatan tahunan sebanyak 0.3 peratus.

nyatakan kesungguhan mereka untuk mematuhi peraturan ditetapkan MPOB berhubung buah tandan muda, namun Ahli Jawatankuasa PPBSL menyatakan buah tandan muda bukan semata-mata faktor yang menentukan OER bagi kawasan Ledang.

Setiausaha PPBSL, Lim Chong Seng, pengilang juga harus memainkan peranan mereka dengan berkesan kerana ada ketikanya keadaan di kilang yang menyebabkan OER yang dicapai tidak seperti diharapkan.

“Pengilang perlu memastikan mesin mereka dalam keadaan yang baik kerana ia antara faktor menentukan OER,” katanya.

Seorang Ahli Jawatankuasa, Tay Kim Boon, pula berkata, pengilang membeli sawit yang mereka bekalkan pada kadar OER 19 peratus dan kadar itu mereka bayar kepada pekebun kecil.

PENGUMUMAN

KURSUS PENGUKURAN KELUARAN KELAPA SAWIT ANJURAN MPOB

27 JUN – 1 JULAI 2011
MS GARDEN KUANTAN, PAHANG

SIAPA YANG PERLU HADIR

- Juruukur keluaran sawit
- Pengeksport, operator kemudahan simpanan pukal, peniaga keluaran sawit, agen insurans dan pegawai bank
- Mereka yang berminat menjadi juruukur keluaran sawit yang berkecualan dan orang perseorangan

OBJEKTIF

- Untuk memberi gambaran yang menyeluruh berkaitan sektor pengukuran keluaran sawit.
- Untuk memberi pengetahuan dan kefahaman berkenaan pengukuran keluaran sawit.
- Untuk meningkatkan profesionalisme juruukur keluaran sawit.
- Sebagai persediaan untuk menduduki peperiksaan Pengukuran Keluaran Sawit MPOB.

KELAYAKAN

- Sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau yang setaraf dengannya.
- Minimum dua (2) tahun pengalaman bekerja di dalam pengukuran keluaran sawit.

BAHASA PENGANTAR

Bahasa Inggeris

TARIKH TUTUP

Tarikh tutup pendaftaran pada 10 Jun 2011.

YURAN PENDAFTARAN (TIDAK TERMASUK YURAN PEPERIKSAAN DAN PENGINAPAN)

Warganegara Malaysia – RM1000/seorang
Bukan warganegara – USD1500/seorang
Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk cek atau bank draf atau kiriman wang pos atas nama KETUA PENGARAH MPOB.

PERTANYAAN:

Puan Siti Fatimatu Zahara Ismail (tel: 03-78022974/email: fatimatu@mpob.gov.my)
Cik Normadiya Yunus (tel:03-87694870/email: normadiya@mpob.gov.my)
Faksimile: 03-89257549

UNTUK MAKLUMAT
LANJUT SILA
LAYARI LAMAN WEB
<http://www.mpob.gov.my>





MPOB Wilayah Timur tingkat kawal selia industri sawit

Tiga aktiviti adalah Pelesenan, Penguatkuasaan dan Kawalan Mutu

Oleh Azran Jaafar
azran@bharian.com.my

KUANTAN: Kualiti tinggi keluaran minyak sawit dan produk berasaskannya yang di-

hasilkan negara ini menyebabkan ia sentiasa mendapat permintaan samada dalam dan luar negara dan menjadi punca utama berlakunya kegiatan tidak sihat seperti sedut curi dan penyeludupan

bagi mendapat keuntungan segera.

Bagi memastikan tidak berlaku ketirisan, Pejabat Wilayah Timur (PWT), Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) yang bertanggungja-

wab mengawasi tiga negeri iaitu Pahang, Terengganu dan Kelantan sentiasa bersedia dan meningkatkan kawal selia dalam menjamin penguatkuasaan dilaksanakan dengan berjaya.

Ketuanya, Mohd Nozri Ibrahim, berkata tiga bidang utama aktiviti kawal selia menjadi tumpuan PWT dalam memastikan industri sawit berkembang maju secara sihat dan berdaya saing tercapai adalah melalui aktiviti pelesenan, penguatkuasaan dan kawalan mutu.

"Bagi aktiviti pelesenan, PWT memastikan semua orang ramai atau syarikat yang terlibat dengan aktiviti yang dilesenkan di bawah Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit (Pelesenan) 2005 di daftar dan dilesenkan.

"Kita juga memastikan pemegang lesen itu beroperasi dan menjalankan aktiviti secara sihat seperti diperuntukkan di bawah syarat pelesenan dan membaharui lesen mereka setelah tamat tempoh.

"Sehingga kini, PWT mempunyai lebih 10,000 pemegang lesen berdaftar terdiri dari pekebun kecil, estet, peniaga keluaran sawit, kilang memproses buah sawit, kilang pelumat isirung sawit, kilang penapis minyak sawit dan pemeriksa keluaran sawit," katanya.

Sejumlah 1.92 juta hektar atau 39.8 peratus keluasan tanaman sawit negara yang berjumlah 4.85 juta hektar sehingga 31 Disember 2010 adalah terletak di negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu, iaitu di bawah tanggungjawab PWT.

Dari jumlah itu, seluas 987,666.59 hektar atau 51.2 peratus adalah tanaman sawit kebun kecil. Bagi aktiviti pelesenan pekebun kecil, PWT dibantu oleh Pegawai TUNAS dan pada masa yang sama, Pegawai TUNAS juga akan memberi khidmat nasihat kaedah penanaman dan penjagaan bagi memastikan hasil yang diperolehi memuaskan, katanya.

Untuk aktiviti penguatkuasaan, pihak kami sentiasa memantau di kawasan sempadan bagi memastikan tidak berlaku penyeludupan minyak masak dan usaha dijalankan bersama unit pencegahan dari agensi-agensi penguatkuasaan lain yang berkaitan.

"Selain itu kita juga me-



“Sejumlah 1.92 juta hektar atau 39.8 peratus keluasan tanaman sawit negara yang berjumlah 4.85 juta hektar sehingga 31 Disember 2010 adalah terletak di negeri Kelantan, Pahang dan Terengganu, iaitu di bawah tanggungjawab Pejabat Wilayah Timur”

Mohd Nozri Ibrahim
Ketua Pejabat MPOB Wilayah Timur

mantau penyeludupan biji benih dan anak sawit kerana Malaysia dikenali sebagai pengeluar bermutu bahan berkenaan dan terdapat permintaan yang tinggi dan Malaysia tidak membenarkan pengeksporan bahan ini keluar negara," katanya ketika ditemui di pejabatnya di sini, baru-baru ini.

Kawal selia lain dari segi penguatkuasaan yang dititikberatkan ialah membanteras peniaga buah sawit tanpa lesen dan kegiatan sedut curi minyak sawit, katanya.

"Kegiatan sedut curi minyak sawit terutama daripada lori tangki semasa pengalihan ke kilang penapis atau ke pelabuhan sering berlaku masa ini disebabkan harga komoditi ini yang tinggi dan mendapat permintaan tinggi.

"PWT dengan kerjasama Unit Khas dari Ibu Pejabat sentiasa mengawasi kegiatan ini bersama pihak Polis dan keadaan terkawal di sini," katanya.

Beliau yakin kegiatan sedut curi oleh sindiket haram ini sukar dilakukan pada masa kini setelah MPOB menguatkuasakan lori tangki angkut minyak sawit perlu berdaftar dan mempunyai lesen dari MPOB.

Tambahnya lagi, pemandu lori tangki berkenaan juga dikehendaki berdaftar dan setiap lori tangki perlu dilengkapi dengan alat 'Global Positioning System' (GPS) bagi memantau pergerakan di sepanjang perjalanan penghantaran keluaran sawit ke destinasi.

PWT mempunyai pejabat Pelabuhan Kuantan, Cawa-

ngan Temerloh, Cawangan Kuala Terengganu dan Kuala Krai, Kelantan bagi memudahkan operasi dan penyediaan khidmat nasihat kepada industry tempatan.

Lawatan ke kilang memproses buah sawit dijalankan bagi memastikan buah sawit yang diproses bermutu dan kualiti minyak yang dihasilkan adalah baik. Kawalan kualiti minyak sawit yang dihasilkan dilakukan dan pihak kilang perlu mematuhi dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan," katanya.

"Pada masa ini terdapat 93 kilang kelapa sawit beroperasi di wilayah Timur dan ia dibahagikan kepada 25 ke kelompok mengikut jenis operasi bagi memudahkan proses kawal selia dan setiap kelompok diletakkan di bawah seorang penyelia.

Beliau juga berkata, pada masa ini seramai 23 pegawai NKEA ditempatkan di 23 kilang dalam usaha memastikan kadar perahan minyak (OER) meningkat seperti apa yang dikehendaki Kerajaan melalui Program Transformasi Ekonomi.

"Maklum balas yang diberikan pemilik kilang terhadap inisiatif itu setakat ini amat baik dan mereka memberi kerjasama penuh kepada pegawai NKEA MPOB," katanya.

Berhubung dengan kawalan kualiti untuk minyak sawit dieksport melalui Pelabuhan Kuantan, Pejabat Pelabuhan akan memastikan setiap keluaran sawit untuk tujuan itu akan diperiksa dan perlu memenuhi kehendak pengimport.

PENGUMUMAN

KURSUS PENYELIA KILANG MINYAK SAWIT 2011

KURSUS : 23 - 27 MEI 2011
PEPERIKSAAN : 25 JULAI 2011
TEMPAT : IBU PEJABAT MPOB BANGI, SELANGOR

OBJEKTIF

Untuk meningkatkan kemahiran teknikal dan menambahkan pengetahuan anggota penyelia kilang minyak sawit.

KANDUNGAN (tentatif)

- Mutu Buah/Pengendalian dan Penerimaan Buah Tandan Segar
- Pensterilan Kerosakan Buah
- Pengenalan kepada Pokok Sawit
- Perawatan Efluen
- Stesen Penjernihan (peralatan)
- Perelal/Pemerah
- Pembersihan/Penghasilan Isirung
- Stesen Penjernihan (peralatan)
- Makmal dan Kawalan Mutu
- Dandang/Operasi
- Asas Elektrik
- Parawatan Air
- Amalan Kejuruteraan Asas untuk Penyelia Kilang Minyak Sawit
- Penstoran Hasil dan Kualiti
- Keselamatan Industri
- Pencegahan Kemalangan
- Proses Kawalan
- Peranan Penyelia dalam Industri
- Perbincangan Mengenai Kerosakan dan Pengawalan di Kilang

KAEDAH

- Syarahan
- Perbincangan
- Lawatan ke Kilang Minyak Sawit
- Projek (40%)
Satu projek diwajibkan dan laporan diperlukan. Kertas kerja projek perlu diserahkan dalam tempoh dua bulan dari tarikh kursus. Jika kertas projek tidak diserahkan dalam tempoh tersebut, peserta akan dianggap gagal dalam kursus.
- Peperiksaan (60%)
Peperiksaan adalah diwajibkan.

KEHADIRAN

Peserta diwajibkan hadir sepanjang kursus.

KELAYAKAN PESERTA

Penyelia kilang minyak sawit dan petugas yang terlibat dalam aktiviti kilang sawit. Hanya warganegara Malaysia sahaja yang layak memohon dan mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman bekerja.

TEMPAT CERAMAH

Ibu pejabat MPOB, Bangi, Selangor.

YURAN PENDAFTARAN (RM 1000)

Yuran meliputi bahan kursus, makanan dan minimum tetapi tidak termasuk penginapan.

YURAN PENDAFTARAN (RM 1000)

Yuran meliputi bahan kursus, makanan dan minimum tetapi tidak termasuk penginapan.

PENGINAPAN

Penginapan boleh diuruskan dengan bayaran tambahan. Sila hubungi En. Norazman Mohd Yob untuk bantuan.

TEMPOH KURSUS*

Kursus : 23 - 27 Mei 2011 (5 hari)
Peperiksaan : 25 Julai 2011 (1 hari)
(2 bulan selepas kursus)

*Tertakluk kepada pindaan program.

BAHASA PENGANTAR

Bahasa Malaysia.

PERTANYAAN

Borang pendaftaran yang lengkap beserta pembayaran hendaklah dialamatkan kepada:

Ketua Pengarah
Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
No.6, Persiaran Institusi
Bandar Baru Bangi
43000 Kajang, Selangor
(U.P: U.Pembangunan Insan & Pengurusan
Pensidangan)

NOTA PENTING

- Peserta kursus dikehendaki menduduki peperiksaan bagi melayakkan mendapat sijil kursus.
- Yuran pendaftaran tidak dikembalikan sekiranya peserta/pengganti gagal menghadiri kursus.

UNTUK KETERANGAN LANJUT, SILA HUBUNGI:

Dr. Andrew Yap Kian Chung
No. Tel: 03-8769 4466
E-mail: andrew@mpob.gov.my

Pn. Hjh. Azizah Lockman
No. Tel: 03-8769 4568
E-mail: azizah@mpob.gov.my

En. Norazman Mohd Yob
No. Tel: 03-8769 4874
E-mail: azman@mpob.gov.my

Fax: 03-8925 7549



Sawit penuhi keperluan minyak sayuran

Pandangan sempit pencinta alam ancam peluang pekerjaan dan bekalan makanan dunia



PENDAPATAN industri sawit Malaysia pada 2010 meningkat sebanyak RM10 bilion kepada RM60 bilion berbanding 2009. Sebahagian besar syarikat ladang sawit mencatat keuntungan dua kali ganda pada tiga bulan terakhir 2010 berbanding tahun sebelumnya.

Pendapatan tinggi ini mendorong pertumbuhan ekonomi di bandar kecil di seluruh negara. Jelas sekali, penduduk luar bandar adalah golongan paling beruntung kesan kenaikan harga pasaran minyak sawit, getah, koko dan lada hitam yang merupakan komoditi utama di Malaysia.

Sumbangan ekonomi minyak sawit dan tanaman komoditi lain menjamin pendapatan dan peluang pekerjaan yang pelbagai kepada rakyat Malaysia sepanjang tahun.

Pendapatan pekerja ladang sawit atau penoreh getah yang kini boleh melebihi RM90 (AS\$30) sehari adalah amat menguntungkan kerana kos makanan mereka sebanyak dua kali sehari hanya kira-kira RM12 (AS\$4). Oleh yang demikian, sesiapa saja boleh menjalani kehidupan sempurna tanpa mengemis sekiranya mereka sanggup bekerja di ladang sawit atau getah.

Disebabkan Malaysia kini hampir mencapai kadar pengangguran sifar, kekurangan tenaga kerja sudah mula dirasakan terutama di dalam sektor perladangan.

Berbeza dengan Malaysia, penduduk luar bandar di negara membangun lain hanya berpendapatan kira-kira RM6 (AS\$2) sehari. Mereka tidak mempunyai pekerjaan tetap kerana peluang pekerjaan di negara mereka terhad atau bermusim.

Malah, kebanyakan mereka tidak mampu membeli makanan. Seperti disebutkan di dalam blog saya, satu bilion penduduk dunia kini terdedah kepada risiko kebuluran kerana kesukaran mendapatkan bekalan makanan.

Industri sawit Malaysia boleh mengatasi masalah ini dengan menyediakan peluang pekerjaan. Pendapatan yang diperoleh 300,000 pekerja asing di dalam industri sawit di Malaysia hari ini akan memastikan satu juta ahli keluarga mereka yang tinggal di Indonesia, Bangladesh, Filipina dan negara jiran lain dapat menikmati makanan mencukupi setiap hari.

Secara ringkas, industri sawit Malaysia tidak hanya memberi pendapatan kepada rakyat Malaysia te-

tapi juga manfaat kepada satu juta ahli keluarga pekerja asing yang kini tidak perlu lagi hidup di dalam kemiskinan dan kebuluran. Berapa banyakkah industri lain di dunia boleh melakukan perkara sama?

Industri sawit adalah sumber pendapatan utama kerajaan melalui cukai korporat yang dikumpul setiap tahun. Manfaat daripada pendapatan ini menjadi lebih besar kerana ia termasuk di dalam dana perbelanjaan kerajaan di dalam membangunkan tahap pendidikan, kesihatan, dan infrastruktur negara.

Kerajaan juga mengumpul dana cukai keuntungan luar biasa (windfall tax) daripada syarikat perladangan sawit untuk mengawal harga barangan makanan keperluan (essential food items) seperti minyak masak melalui pembayaran subsidi. Ini bertujuan memastikan rakyat Malaysia yang berpendapatan kecil mampu mendapatkan bekalan minyak masak.

Amat jelas sekali, minyak sawit berperanan besar di dalam menangani masalah kenaikan harga barangan makanan di samping memberi pendapatan lumayan serta menjamin keharmonian negara.

Perlu diingat bahawa kenaikan harga barangan makanan dan kemiskinan adalah punca utama terjadinya rusuhan di negara membangun sejak kebelakangan ini.

Mengulas peranan minyak sawit kepada ekonomi negara, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, baru-baru ini mengemukakan pandangan sempit golongan 'pencinta alam' (greenies) dan penyokongnya yang memburukkan imej minyak sawit dengan mengaitkan tanaman sawit dengan kemusnahan hutan.

Sebagai negara pengeluar utama minyak sawit dunia, Malaysia dan Indonesia tidak bertolak ansur dengan tuduhan tidak berasas ini.

Dari sudut pandangan lebih luas, minyak sawit adalah 'penyelamat' kepada senario kekurangan bekalan minyak sayuran dan lemak dunia yang dialami dunia pada masa ini. Kekurangan tanah pertanian baru serta masalah cuaca yang tidak menentu menyebabkan petani tanaman soya dan biji sesawi tidak dapat meningkatkan hasil pengeluaran.

Akibatnya, jurang perbezaan bekalan dan permintaan terhadap minyak sayuran dan lemak dunia akan meningkat di masa depan.

Senario ini akan mendedahkan pengguna kepada kenaikan harga pasaran minyak sayuran dan lemak. Golongan berpendapatan rendah di negara membangun akan merasai kesan kenaikan harga ini kerana mereka tidak berkemampuan membeli minyak kacang soya atau minyak biji sesawi yang harganya lebih mahal.

Permintaan tinggi terhadap minyak kacang soya dan minyak biji sesawi untuk dijadikan biodiesel di Eropah menambahkan lagi masalah kekurangan bekalan minyak sayuran ini untuk industri makanan.

Minyak sawit mempunyai pera-

nan yang kritikal untuk menjamin bekalan minyak sayuran yang murah kepada negara membangun yang rata-ratanya bergantung kepada import minyak sayur-sayuran untuk memenuhi permintaan domestik.

Selepas didiskriminasi Kesatuan Eropah melalui penguatkuasaan undang-undang tenaga yang boleh diperbaharui (Renewable Energy Directives) yang merencanakan kegunaan minyak sawit sebagai bahan bakar bio (biofuel), kegunaan minyak sawit hanya tertumpu kepada sektor makanan saja.

Ketika kekurangan bekalan minyak sayuran tidak dapat dilakukan, isu mengenai minyak sayuran

untuk biodiesel, mereka juga berkempen menyekat peningkatan pengeluaran minyak sawit yang memberi saingan kepada minyak biji sesawi di dalam industri biodiesel di Eropah.

Tanpa disedari, tindakan mereka terhadap minyak sawit ini akan mempercepatkan lagi senario kekurangan bekalan minyak sayuran dan lelemak dunia. Ketika pengeluaran minyak sawit mendapat manfaat ekoran kenaikan harga jualan minyak sawit kesan daripada kempen antiminyak sawit ini, pengguna di negara membangun terpaksa pula menanggung kenaikan harga minyak masak dan barangan makanan yang lain.



INDUSTRI sawit negara tangani kekurangan bekalan minyak sayuran dan lelemak dunia.

apa yang patut digunakan untuk sektor tertentu adalah tidak penting. Yang penting ialah sebarang peningkatan permintaan terhadap minyak sayuran dan lemak hendaklah diselaras dengan peningkatan pengeluaran bekalan.

Oleh kerana sawit adalah tanaman minyak sayuran yang paling produktif dan mapan (sawit hanya menggunakan kawasan tanah 10 kali ganda lebih kecil berbanding tanaman soya), pengeluaran minyak sawit, secara logiknya, patut dipertingkatkan lagi untuk memenuhi permintaan yang tinggi ini.

Kempen mereka ini juga akan memusnahkan peluang pekerjaan yang akan wujud melalui perkembangan industri sawit kerana tanaman sawit bergantung kepada tenaga kerja yang banyak berbanding tanaman minyak sayuran lain. Segalanya ini akan terjadi akibat pandangan sempit pencinta alam mengenai kemusnahan hutan.

Tanpa mengemukakan bukti saintifik atau berfikir luas mengenai keperluan lain dunia yang lebih utama, pencinta alam ini menentang sebarang cubaan meluaskan kawasan tanaman sawit dengan menggunakan isu kemusnahan hutan sebagai alasan.

Adakah logik menyalahkan sawit dengan kemusnahan hutan di Indonesia sedangkan tanaman sawit hanya merangkumi 5 peratus daripada keseluruhan keluasan Indonesia? Untuk perbandingan, United

Kingdom memusnahkan hutan kira-kira 72 peratus daripada keluasan tanahnya untuk pertanian.

Jumlah kawasan tanaman sawit dunia hari ini hanya kira-kira 0.22 peratus daripada jumlah tanah pertanian dunia. Setiap ahli sains atau orang biasa akan mengakui bahawa penggunaan tanah pertanian dunia yang sangat sedikit ini untuk tanaman sawit tidak akan mendorong kepada penebangan hutan secara besar-besaran.

Malah, fakta menunjukkan bahawa kira-kira 80 peratus kawasan tanaman sawit di Malaysia dan 60 peratus kawasan tanaman sawit di Indonesia tidak berasal daripada kawasan hutan dan kedua-dua negara memperuntukkan sejumlah besar kawasan hutan simpan untuk pemuliharaan bio-kepelbagaian untuk generasi di masa depan.

Bagaimana penggunaan tanah yang kecil ini boleh dikaitkan dengan kemusnahan bio-kepelbagaian, habitat hidupan liar, pencemaran gas 'rumah hijau' dan pemanasan global? Saya sudah berulang kali meminta pencinta alam ini dan penyokong fanatiknya memberikan fakta untuk membuktikan dakwaan mereka terhadap industri minyak sawit.

Ini termasuklah dakwaan rampasan tanah milik penduduk pribumi (indigenous people) untuk menanam sawit. Untuk pengetahuan umum, penduduk pribumi diberi tanah secukupnya oleh British ketika mereka memerintah Borneo. Kebanyakan tanah ini ditanam dengan getah serta sawit dan penduduk pribuminya amat berterima kasih dengan pemberian ini kerana mereka boleh menjalani kehidupan lebih baik sebagai petani kecil.

Malaysia juga menguatkuasakan undang-undang tertentu untuk menangani sebarang cubaan rampasan tanah yang dimiliki penduduk pribumi ini.

Pengguna di seluruh dunia harus peka implikasi kempen antiminyak sawit terhadap ekonomi, bekalan makanan dan harga barangan makanan dunia. Sebarang sokongan kepada kempen ini sangat tidak bermoral kerana kesannya akan mengakibatkan kenaikan harga barangan makanan dan menggugat bekalan makanan dunia.

Namun ini tidak langsung diindahkan Kesatuan Eropah yang memberi dana kepada pencinta alam ini untuk meneruskan matlamat mereka yang akan mengakibatkan pengguna di negara membangun menderita untuk mendapatkan bekalan makanan yang murah, mencukupi dan berkhasiat pada masa depan.

● Artikel ini disunting dan diterjemah daripada artikel asal bertajuk, **Palm Oil: How Greenies Threaten Jobs and Food Security**. Sila layari laman web, www.ceopalmoil.com, untuk mendapatkan salinan asal artikel ini.

Tanam semula sawit tidak produktif akan meningkatkan produktiviti

Malaysia adalah antara negara pengeluar utama minyak sawit dunia. Minyak sawit keluaran Malaysia berjaya menembusi pasaran antarabangsa seperti China, Pakistan, India, Jepun, Korea Selatan, Mesir, Arab Saudi, Iran dan lain-lain negara.

Pada tahun 2010, industri sawit telah memberi sumbangan sebanyak RM62.86 bilion kepada pendapatan eksport negara. Kadar ini diramalkan akan terus meningkat pada masa akan datang. Menjelang tahun 2020, industri sawit dijangka menjana pendapatan sebanyak RM178 bilion kepada pendapatan negara kasar.

Tanaman sawit di seluruh negara meliputi kawasan seluas 4.85 juta hektar. Daripada jumlah tersebut 1.4 juta hektar ditanam di negeri Sabah dan Sarawak yang merupakan negeri utama penanaman sawit di Malaysia.

Tanaman sawit akan mula mengeluarkan tandan buah seawal umur dua ke tiga tahun selepas anak pokok sawit yang berusia 10 hingga 12 bulan dipindahkan ke kebun atau ladang untuk ditanam. Tanaman sawit akan mengeluarkan hasil secara produktif apabila umurnya semakin meningkat dan keadaan ini akan berterusan sehingga mencapai umur 25 tahun di mana pada umur tersebut ianya dianggap sudah tidak produktif dan perlu ditanam semula.

Pada ketika ini, 449, 415 hektar tanaman sawit di seluruh negara telah mencapai umur 25 tahun dan perlu ditanam semula. Daripada jumlah tersebut sebanyak 340, 332 hektar adalah dari sektor ladang manakala 109,083 hektar lagi milik pekebun kecil.

Menyedari hakikat ini, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan meletakkan sawit sebagai salah satu Bidang Utama Ekonomi Negara (NKEA) dengan menggariskan lapan projek permulaan (EPP) untuk industri sawit

PEMENANG PERTAMA
Ahmad Tamimi Daud
(No. K/P: 940926-11-5005)
SMK Tunku Ampuan Durah,
70400 Seremban,
Negeri Sembilan

di mana EPP1 adalah berkaitan dengan sektor hulu iaitu tanam semula sawit tidak produktif bagi meningkatkan produktiviti sawit.

Bagi menjamin produktiviti sawit Yang tinggi, adalah disyorkan agar semua kawasan yang akan ditanam semula, ditanam dengan benih atau bahan tanaman yang terpilih, bermutu, berpenghasilan tinggi serta melaksanakan amalan agronomi yang disyorkan oleh pihak MPOB.

Penanaman menggunakan benih berkualiti akan memberi impak yang besar terhadap produktiviti sekali gus dapat menjana hasil buah tandan segar di antara 26 tan sehektar setahun hingga 30 tan sehektar setahun menjelang tahun 2020.

Produktiviti tanaman sawit milik pekebun kecil persendirian dan pekebun kecil di bawah seliaan agensi kerajaan seperti Felcra, Felcra dan Risda adalah rendah dan kurang bermutu. Oleh itu, kerajaan telah menyediakan peruntu-

“ Penanaman menggunakan benih berkualiti akan memberi impak yang besar terhadap produktiviti sekali gus dapat menjana hasil buah tandan segar ”

kan khas dan telah menyalurkannya melalui MPOB. Peruntukan berkenaan ialah Skim Intensif Tanam Semula (SITS) dan Skim Tanam Baru Sawit yang diberi kepada pekebun kecil sawit yang layak dengan jumlah sebanyak RM7,000 sehektar.

Tujuannya ialah bagi menggalakkan pekebun kecil supaya merebut peluang yang disediakan oleh kerajaan dengan mempercepatkan program tanam semula sawit di kebun milik pekebun kecil menggunakan bahan tanaman berkualiti tinggi, cepat membesar serta mempunyai daya ketahanan terhadap serangan penyakit. Bahan tanaman boleh diperoleh di tapak semeian sawit di seluruh negara yang telah diberi lesen sah dan diperakui oleh MPOB.

Ini adalah bagi memastikan agar pengeluaran buah tandan segar mencapai tahap 26 tan sehektar setahun menjelang tahun 2020 nanti sebagai mana yang digariskan oleh pihak kerajaan di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP).

Kesimpulannya, penanaman semula sawit yang tidak produktif dengan benih sawit yang terpilih, berkualiti, berpenghasilan tinggi serta mempunyai ketahanan serangan penyakit adalah faktor penting bagi memastikan Malaysia terus kekal unggul sebagai pengeluar industri sawit utama di dunia. Ini kerana bahan tanaman berkualiti tinggi sudah pasti akan menjana produktiviti yang tinggi. Hasil sawit yang bakal dikeluarkan melalui program tanam semula itu nanti, bukan saja dapat meningkatkan pendapatan pekebun kecil serta pemilik ladang sawit di seluruh negara tetapi sekali gus dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 selaras dengan pelan yang telah digariskan oleh kerajaan di bawah ETP. Insya-Allah.

Peraduan mengarang esei Berita Sawit bulan Mei 2011

PERADUAN ini terbuka kepada pelajar sekolah menengah di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Tajuk: "Pembangunan modal insan industri sawit kurangkan pergantungan tenaga kerja asing. Bincangkan."

Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit terbuka kepada semua pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5.

Tiga pemenang utama setiap bulan akan menerima;

Hadiah Pertama: RM250

Hadiah Kedua: RM200

Hadiah Ketiga: RM150

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Jun 2011 akan datang.

Syarat Penyertaan:

1. Terbuka kepada pelajar sekolah menengah tingkatan 1 hingga 5

2. Panjang esei di antara 450 - 600 patah perkataan

3. Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah, alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan sertakan sekeping gambar berukuran pasport (sekiranya ada)

4. Keputusan juri adalah muktamad

5. Tarikh tutup penyertaan ialah pada 23 Mei 2011

6. Hantarkan penyertaan ke alamat:

Peraduan Mengarang

Esei Berita Sawit

Ibu Pejabat MPOB

Peti Surat 10620

50720 Kuala Lumpur

u/p: Noor Asmawati Abdul Samad
(Unit Perhubungan Awam)

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan April 2011 Pemenang:

Hadiah Pertama

Ahmad Tamimi Daud

(No. K/P: 940926-11-5005)

SMK Tunku Ampuan Durah,

70400 Seremban,

Negeri Sembilan

Hadiah Kedua

Faez Amirul Azman

(No. K/P: 960703-01-5259)

SMK Agama Maahad

84000 Muar,

Johor

Hadiah Ketiga

Azrien Binti Aluwi

(No. K/P: 940816-14-6302)

SMK Petaling, Batu 6,

Jalan Klang Lama,

46000 Kuala Lumpur

KUIZ

KUIZ SAWIT SIRI 5



SYARAT PENYERTAAN

- Penyertaan dibuka kepada pelajar Sekolah Rendah Tahun 1 - 6
- Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang dan ditandatangani oleh guru sekolah
- 10 pemenang yang menjawab dengan betul akan dipilih sebagai pemenang
- Sekiranya terdapat lebih 10 pemenang, Cabutan Bertuah akan dibuat oleh panel kuiz
- Keputusan pengadil adalah muktamad
- Jawapan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada 25 Mei 2011
- Hantarkan jawapan berserta nama penuh, no. telefon dan alamat sekolah yang lengkap kepada :
Ketua Pengarang Berita Sawit
Kuiz Sawit (Siri 4)
Ibu Pejabat MPOB
Peti Surat 10620
50720 Kuala Lumpur
(UP: Rashidah Mat Nor)
Atau melalui Faks :03-89264572

SOALAN KUIZ

(Jawapan boleh dirujuk dalam Berita Sawit)

1.1. Maklumat mengenai MPOB boleh didapati di laman web MPOB. Apakah alamat tersebut?

- http://www.mpob.com
 http://www.mpob.gov.my
 http://www.mpob.gov.my

2. Agensi manakah yang mengeluarkan lesen kepada lori tangki bagi mengangkut dan mengalih minyak sawit?

- MPOB
 MPOA
 MPOC

3. Apakah maksud PLASMA?

- Pusat Tunjuk Ajar Sawit Malaysia
 Pusat Latihan Sawit Malaysia
 Pusat Latihan Satu Malaysia

4. Pokok sawit berasal dari mana?

- Argentina
 Malaysia
 Afrika

5. Pilih satu spesies buah sawit yang ditanam di Malaysia

- Psifera
 Oleo
 Elis

6. Produk ini dihasilkan dari minyak sawit

- Sabun
 Ubat gigi
 Meja

7. Vitamin E yang terdapat dalam minyak sawit membantu melambatkan proses penuaan

- Betul
 Salah

8. Semua bahagian sawit dan pokok sawit boleh digunakan untuk menghasilkan bahan makanan, bukan makanan dan juga biojisim

- Betul
 Salah

9. Susu pekat manis mempunyai kandungan minyak sawit

- Betul
 Salah

10. Minyak sawit boleh menghasilkan santan setanding santan kelapa

- Betul
 Salah

BORANG PENYERTAAN

- Nama : _____
 ■ Tahap : _____
 ■ Alamat Sekolah: _____

 ■ No. Tel: _____
 ■ Tandatangan Guru: _____

Pemenang Kuiz Sawit Siri 4

1. Nurul Syazwina Mohd Zukri, Sek. Keb. Jasin, Melaka
2. Muhamad Syahmim Marzuki, Sek. Keb. Simpang, Rawai, Terengganu
3. Fazuan Ammar bin Azman, Sek. Keb. Bandar Maharani, Muar, Johor
4. Nurul Jannah binti Talib, Sek. Keb. Sura, Dungun, Terengganu
5. Siti Aliah Mudzalifah Iwanda, Sek. Keb. Sungai Terap, Tanjung Karang, Selangor
6. Muhamad Afiq Zulfan bin Zuhairie, Sek. Keb. Desa Pandan, Kuala Lumpur, Selangor
7. Zahidah Che Zulkifli, Sek. Keb. Selama, Perak
8. Nurul Aliah Abdullah, Sek. Keb. Sg. Korok, Alor Star, Kedah
9. Nur Ain Alfiera Abd. Razak, Sek. Keb. Taman Skudai Baru, Johor
10. Siti Aisyah Md. Isa, Sek. Keb. Padang Lumat, Kedah



Tan Sri Bernard Dompok melawat pameran jenis tandan buah sawit sempena Majlis Perasmian Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA), Keratong, Pahang baru baru ini. Turut kelihatan dari kiri Timbalan Menteri Sumber Manusia, Senator Dato' Maznah Mazlan yang juga ADUN Muazam Shah, Pahang, Datin Paduka Nurmalia Abd Rahim, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad, Datuk Dr Choo Yuen May dan Dr Ahmad Kushairi Din.



TAN SRI BERNARD DOMPOK menampal stiker 'Global Positioning System' (GPS) di lori tangki pengangkut minyak sawit syarikat Sidhu Brothers Transport Sdn Bhd selepas Majlis Perasmian Keselamatan Pengangkutan Minyak Sawit di Pelabuhan Klang baru baru ini, menandakan lori itu dilengkapi peralatan GPS bagi memantau perjalanannya untuk mengesan kegiatan sedut curi minyak sawit.



KETUA Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (kiri) menerima kunjungan rasmi Timbalan Menteri Sumber Manusia, Senator Dato' Maznah Mazlan yang juga ADUN Muazam Shah, Pahang (tengah) di Ibu Pejabat MPOB, Bangi baru baru ini. Turut kelihatan Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan) Dr Ahmad Kushairi Din (kanan).



Tan Sri Bernard melihat produk sawit yang dipamerkan sempena Seminar dan Pameran Perdagangan Minyak Sawit (POTS), Malaysia-Korea Selatan 2011 di Seoul, Korea Selatan baru baru ini. Turut kelihatan Datuk Dr Choo Yuen May (kiri) dan Pengerusi MPOC, Dato' Lee Yeow Chor (kanan).



PENGERUSI MPOB, Dato' Seri Utama Shahrir Abdul Samad (barisan depan lapan dari kanan) dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May (barisan depan tujuh dari kiri) bersama dengan ahli Jawatankuasa Penasihat Program (PAC) sempena mesyuarat jawatankuasa PAC di ibu pejabat MPOB di Bandar Baru Bangi baru-baru ini.



DATUK Dr Choo Yuen May (depan empat dari kiri) bergambar bersama Ahli Lembaga Sidang Pengarang 'Journal of Oil Palm Research' (JOPR) sempena mesyuarat lembaga itu kali ke-21 baru-baru ini.